

26 Februari 2021 (Jumaat)

Untung bersih Matrix Concepts meningkat

SEREMBAN: Pemaju harta tanah, Matrix Concepts Holdings Bhd (Matrix Concepts) mencatatkan keuntungan bersih RM75.3 juta meningkat 15.3 peratus pada suku ketiga (S3) berakhir 31 Disember 2020.

Keuntungan tersebut didorong oleh peningkatan hasil daripada pembangunan harta tanah serta kerja-kerja pembinaan yang diperceptakan.

Peningkatan prestasi juga disokong oleh perbelanjaan pentadbiran, sumbangan daripada syarikat usahasama di Indonesia, dan penyesuaian dalam penyediaan cukai.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, pendapatan kumpulan juga meningkat sebanyak 13.1 peratus kepada RM315.4 juta pada S3.

“Daripada jumlah pendapatan, pengiktirafan harta tanah kediaman dan komersial adalah berjumlah RM276.6 juta sementara pengiktirafan harta tanah industri berjumlah RM31.1 juta.

“Harta tanah pelaburan kumpu-

lan pula menyumbang baki RM7.7 juta pada S3,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Mohamad Haslah, Matrix Concepts berjaya mencapai sasaran untuk separuh pertama 2021 walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19 yang bermula awal 2020.

“Pertumbuhan yang signifikan dan peningkatan berturut-turut yang dicapai pada S3 2020 menunjukkan keberkesanan strategi kami dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu (Covid-19) dan menjadikan kami berada dalam landasan yang baik.

“Sementara itu, dalam menuhi permintaan pasaran, bahagian jualan dan pemasaran telah memperkenalkan kaedah inovatif dengan menggunakan platform media sosial dan secara maya.

“Kami percaya dengan pendekatan berhemah dan keduukan kewangan yang sihat memberi kami ketahanan untuk terus memberikan pertumbuhan yang berterusan,” ujarnya.